

**KENYATAAN SEBUT HARGA**  
**PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN**  
**PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN MACHANG BAGI TAHUN 2024**  
**(BAGI TEMPOH 12 BULAN BERMULA 1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **221001 – Pembersihan Bangunan dan Pejabat** dan masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini untuk menjalankan perkhidmatan berikut:

**PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN  
MACHANG, KELANTAN BAGI TAHUN 2025 (BAGI TEMPOH 12 BULAN BERMULA 1  
JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)**

2. Sebut harga ini akan dibuka pada **25 November 2024 sehingga tarikh tutup pada 01 Disember 2024 jam 12.00 tengah hari.**
3. Dokumen / Borang Sebut Harga boleh diperoleh mulai **17 November 2024** di **Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang.**
4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang yang di alamatkan kepada:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN MACHANG,  
18500 MACHANG,  
KELANTAN.**

selewat-lewatnya jam **12.00 tengah hari pada 01 Disember 2024**. Tawaran sebut harga yang dikemukakan lewat dari tarikh dan masa tersebut seperti mana arahan sebut harga **TIDAK** akan dipertimbangkan.

5. **Tempoh sah laku** sebut harga adalah selama **90 hari** dari tarikh sebut harga ditutup.
6. Pihak Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

**7. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- i. Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
- ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
- iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
- iv. Mana-mana kontraktor atau penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang di bekali mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).